

## BAB 6 : KESAN PENJAJAHAN TERHADAP PERADABAN MELAYU

### 6.1. Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang penyebarannya terluas di dunia dan bangsa Melayu merupakan satu bangsa yang unik berbanding bangsa lain. Peradaban bangsa Melayu terjadi akibat pertemuan beberapa bangsa di alam Kepulauan Melayu ini sehingga terbentuk satu identiti yang tetap. Daripada pertemuan ini bangsa Melayu tercipta dan mempunyai fokusnya di Tanah Melayu atau lebih dikenali sebagai Semenanjung Tanah Melayu.

Umat Melayu Islam adalah golongan Islam terbesar di dunia Timur iaitu hampir sesuku bilion. Dalam sejarah tamadun Islam, pusatnya berubah-ubah, daripada Tanah Arab ke Turki, Afrika Utara, Andalusia dan Asia Tengah.

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama, penjajah pergi meninggalkan warisan. Sudah menjadi tabiat pihak penjajah untuk tidak memberikan kemerdekaan tanpa meninggalkan warisan-warisan yang perlu diteruskan oleh anak didik mereka. Sejarah telah menunjukkan bahawa, manapun negara yang tidak mahu mengekalkan warisan mereka akan diperangi sehingga warisan penjajah itu diteruskan.

Barat menjajah negara-negara Islam dengan membawa pemikiran sekular bersama "*Tzar is for Tzar and God is for God.*" Kehidupan beragama itu perlu diasangkan dalam kehidupan manusia sehari-hari, atau dalam ayat yang lebih mudah, mengasingkan kehidupan agama dan dunia.

Perkembangan pemikiran sekular menjadi lebih luas dengan kejayaan penjajah menguasai sistem pendidikan. Sistem pendidikan adalah faktor yang memainkan peranan yang besar dalam membentuk sesuatu budaya masyarakat untuk jangka masa yang panjang. Pendidikan Islam yang sebenar adalah pendidikan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Segala ilmu sains, matematik, geografi, sejarah, ekonomi, undang-undang dan sebagainya perlu diselaraskan mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah. Konsep sekolah kebangsaan pada waktu pagi dan sekolah agama pada waktu petang merupakan konsep sekular yang telah diperkenalkan di Tanah Melayu sejak zaman penjajah. Konsep ini diteruskan lagi oleh pemimpin-pemimpin didikan mereka sehingga ke hari ini. Malah, hari ini lebih hebat lagi, sekolah-sekolah agama telah dicop sebagai tempat mengeluarkan penganas, golongan ekstrem, dan yang paling sedih, sekolah agama dikatakan tidak lagi mengajar Islam yang sebenar.

## **6.2. Kesan Terhadap Masyarakat Melayu**

Apabila Melaka dikalahkan dalam tahun 1511 oleh Portugis dalam rangka mereka meneruskan semangat Perang Salib untuk menewaskan kerajaan-kerajaan Islam, tamadun Melayu Islam tidak berkubur di Melaka. Sebaliknya pusat-pusat tamadun Melayu Islam yang lain telah muncul di Patani (1500), di Brunei (sekitar akhir kurun ke 15), di Jawa iaitu Gerisik (sejak 1419) Demak (sejak 1450), Bantan (1527), Mataram (1586) di Sulu (1405) dan yang paling penting ialah di Aceh. Dibawah pimpinan Sultan Ali Moghayat Shah (1507-522) Aceh telah bangkit untuk memainkan peranan seperti Melaka iaitu sebagai pusat

pelabuhan dan perdagangan entrepot antara negara-negara di barat seperti India, Timur Tengah dan Asia Barat dengan Negara-negara di Timur iaitu China, Kepulauan Melayu dan Indo China. (Hashim Hj. Musa, 2001: 54)

Orang-orang Melayu berjuang menentang penjajahan dan banyak penentangan tercetus. Namun tindakan kerajaan British yang bertujuan untuk melemahkan pemikiran orang-orang Melayu, penindasan ekonomi dan menghakis kuasa raja-raja Melayu. Dasar pecah dan perintah, usaha mengaut kekayaan ekonomi dan kemasukan imigran (pendatang Cina dan India sebagai buruh) pada abad ke 18 dan 19 amat mengecewakan orang-orang Melayu. (Baharudin Ali Masrom, 1993: 18)

Semenjak penjajah datang ke Tanah Melayu, mereka berusaha sedaya upaya untuk menyebarkan fahaman sekularisme ini melalui pelbagai cara. Dengan keupayaan ilmu dan teknologi yang dimiliki serta pengalaman, mereka berjaya melaksanakannya. Tujuannya hanyalah untuk menjauhkan masyarakat Melayu Islam dari agamanya. Penyebaran sekularisme melalui pendidikan antaranya ialah :

1. Sekatan secara material dilakukan dengan membuka pintu seluas mungkin kepada pengajian yang kosong dari roh agama Islam (pengajian yang jauh dari penekanan agama). Pengajian sebegini akan dibantu dan dibangunkan serta diberi kemudahan dari segi material. Adapun pengajian agama Islam disempitkan bantuan kewangan ataupun

tidak dibantu langsung. Sebarang bantuan lebih dicurahkan kepada pengajian sekularisme.

2. Sekatan secara moral ialah dengan memperlekehkan golongan penuntut agama dan tuan-tuan guru mereka. Membeza-bezakan antara guru-guru agama dan guru-guru subjek lain dalam setiap keadaan memang satu perkara yang disengajakan. Begitu juga membeza-bezakan antara lepasan bidang agama dan lepasan bidang-bidang lain. Dari segi jawatan pula, lepasan bidang agama tidak banyak mendapat peluang disamping ganjaran dan status yang dipandang rendah tetapi bagi lepasan bidang-bidang lain agak mudah mendapat peluang dengan habuan dan status yang lumayan. Mereka ini akan tenggelam dalam "ketidaksedaran" dan akan menyebabkan orang ramai tidak kira tua muda akan lari dari agama dengan terpahat satu sikap dalam minda mereka iaitu "jika kita memilih bidang agama ianya tidak akan ke mana dan tidak akan menjamin hidup", maka dengan itu mereka lebih cenderung kepada pengajian bidang bukan agama.
3. Menghantar pelajar Melayu Islam ke negara-negara bukan Islam untuk belajar. Misi penghantaran ini akan membawa hasilnya yang memang dinanti-nantikan iaitu pelajar itu bertambah jahil dengan agama, nilai serta adat yang baik dan akan menyebabkan pelajar itu tertarik dengan budaya barat. Di samping itu, akan tertanam dalam diri pelajar itu tabiat (kelakuan) yang menyeleweng dari ajaran Islam. Dengan berlalunya masa, tabiat menyeleweng ini akan menjadi sebatik dengan

diri pelajar itu dan dia akan mempraktikkannya dalam kehidupannya sehingga dalam bab makan minum, pakaian, cara pergaulan dan lain-lain tabiat yang buruk. Dia akan menjadi lebih barat daripada orang-orang barat sendiri.

4. Melonggarkan sukatan pengajian agama atas nama kemajuan akademik. British telah mengambil alih pengajian al-Quran dan dijadikan mata pelajaran al-Quran dan mata pelajaran agama pada sesi petang. Sistem ini menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai ilmu agama. Pelonggaran sukatan pengajian agama berlaku di seluruh negara Islam dengan tujuan untuk melemahkan pelajar-pelajar Islam.
5. Bercambahnya sekolah aliran Inggeris dan sekolah vernakular Melayu. Tujuannya ialah untuk mengeluarkan masyarakat Melayu Islam dari agama mereka atau sekurang-kurangnya menyelewengkan akidah mereka. Paling kurang kesannya ialah menghina bahasa Arab (bahasa umat Islam) dan mengagungkan bahasa asing. Penghinaan bahasa Arab sebenarnya menghinakan agama Islam itu sendiri.
6. Paling bahaya cara yang digunakan ialah percampuran lelaki dan perempuan ketika pengajian. Mereka (golongan sekular) mendakwa ianya kemajuan dan kemodenan tetapi ia sebenarnya menyalakan lagi obor nafsu manusia. Mereka juga mendakwa percampuran itu dapat mematangkan pemikiran tetapi mereka telah tersilap kerana ia antara

punca tercetusnya masalah sosial yang kronik akibat percampuran yang tidak dikawal.

Peranan ulama dalam konteks mewariskan ilmu dan perjuangan Islam di dalam dunia Melayu seolah-olah dilupakan. Barisan para ulama yang mempelopori pendidikan Islam melalui tradisi pondok dan madrasah menjadi benteng pertahanan aqidah Islam orang-orang Melayu. Mereka juga adalah pejuang menentang penjajahan imperialis-Kristian terhadap kedaulatan Islam di rantau Melayu.

Begitu juga hasil dari gerakan Pan-Islam yang bertiup dari Timur Tengah pada awal abad ke 20 telah menyegarkan semangat kelslaman orang-orang Melayu untuk bangkit menebus harga dan maruah bangsa. Maka lahirnya ramai pejuang Melayu dengan kesedaran dan semangat anti penjajahan dan berjuang untuk menuntut kemerdekaan. (Baharudin Ali Masrom, 1993: 19)

Jadual 11

**PENGARUH DAN SEMANGAT PERJUANGAN KEBANGSAAN**

<i>Saluran</i>	<i>Sumber</i>	<i>Catatan</i>
Pengaruh Luar	Jepun	Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia tahun 1905
	Turki	Gerakan Turki Muda yang dipimpin oleh Mustapha Kamal
	Mesir	Gerakan Pemulihan Islam di Mesir
	Indonesia	Perjuangan nasionalisme Indonesia menentang Belanda
Media massa	Al-Imam	Akhbar untuk Kaum Muda dan tokoh utamanya Syed syeikh al-Hadi
	Saudara	Akhbar yang menyuarakan perjuangan Kaum Muda. Menyeru orang Melayu memajukan diri dan tokoh utamanya Syed syeikh al-Hadi
	Majlis	Akhbar kebangsaan pertama dan mendesak Inggeris melindungi hak orang Melayu dan tokoh utamanya Abdul Rahim Kajai.
	Warta Malaya	Akhbar yang menanamkan kesedaran dikalangan orang Melayu dan mengcam dasar-dasar Inggeris
	Utusan Melayu	Akhbar yang menjadi lambang perpaduan orang Melayu, menampilkan semangat kebangsaan dikalangan orang Melayu dan tokoh utamanya Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhamad.
	Warta Sarawak	Akhbar yang membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu Sarawak, mendesak Inggeris meningkatkan taraf hidup orang Melayu.
Pertubuhan	Kesatuan Melayu Singapura	Ditubuhkan dalam tahun 1926 dan mempunyai matlamat menggalakkan orang Melayu terlibat dalam pemerintahan.
	Kesatuan Melayu Selangor	Ditubuhkan dalam tahun 1938 dan mempunyai matlamat utama mendesak Inggeris menambah penyertaan orang Melayu dalam pentadbiran dan mempertingkatkan kedudukan orang Melayu dalam ekonomi, politik dan sosial.
	Persatuan Melayu Perak	Ditubuhkan dalam tahun 1937 dan mempunyai matlamat untuk memperingkatkan taraf ekonomi dan pendidikan orang Melayu.
	Persatuan Melayu Semenanjung	Ditubuhkan dalam tahun 1930 dan tidak mendapat sambutan kerana semangat kenegerian lebih kuat.
	Persatuan disetiap negeri	Persatuan Melayu Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan yang memperjuangkan kemajuan dan kepentingan orang Melayu.
	Persaudaraan Sahabat Pena Malaya	Ditubuhkan oleh para penulis dan berkembang serta bersifat kebangsaan
	Kesatuan Melayu Muda	Ditubuhkan pada tahun 1938 yang dipelopori oleh Ibrahim Yaacob. Kebanyakan ahlinya ialah pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris. Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah konsep Melayu Raya. Persatuan yang radikal

(Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et. al., 2001 : 41-42)

Gambar 4



لِيَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَيَّمَتْ لَنَا الْقِيَامَةُ إِنَّا نَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ  
١٣٢٤ - ٦ دِسْبَر ١٩٠٧  
\* جلد يُشكّدوا \*

## التَّارِيخُ الْعَمَلِيُّ

( سَمْوَغْنَ يَقْدَهُولُ )

لَفِينْ مِنْ كَلَابِرْ بِهِنْ مِنْ بَكْتَتْ دِبْنَوْلَكْنَهُ اُولَيْهِ نَبِيْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ  
وَسَلَّمَ اُكَنْ مِرِيكَيْهَ كَدِينْ مِنْ لِقَ اُولَيْهِ نَبِيْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ  
فَرِيشْ سِيلْ بِرْ سِيدَا ( أَللَّهُمَّ هَذِهِ قُرَيْشٌ فَدَا فَلَتْ بَخِلَّا هَا وَفَخِرَهَا تَحَادُّهَا  
بِرَسُولِكَ اللَّهِ فَصَرِّكَ الدَّيْرِيْ وَعَدَتِيْ بِهِ ) اِرْتِيشْ بَالَّهِ اِنْ قَرِيشْ

Majalah Al-Imam

### **6.3. Kesan Terhadap Pendidikan Islam**

Pada dasarnya kita akur bahawa ilmu adalah satu asas terpenting pembinaan peradaban. Ilmu adalah faktor pengubah masyarakat dan sebagai kayu ukur kepada kualiti manusia.

Dalam mana-mana bangsa bertamadun dan maju, ilmu adalah aspek yang paling utama dalam proses pembinaannya. Budaya ilmu itu berkembang dan dikembangkan kepada setiap lapisan masyarakat pada tahap awal era perubahan hingga ke zaman peningkatan dan konsistensi kecemerlangan. Paul Kennedy dalam '*The Rise and Fall of The Great Powers*' telah mengesahkan bahawa faktor utama keruntuhan tamadun-tamadun besar ialah kerana runtuhnya semangat dan kecintaan kepada ilmu, serta sikap sudah berpuas hati dengan pencapaian yang ada. (Muhammad Hajj Muhd Taib, 1993 : 105)

Jelas sekali orang-orang Melayu sebelum penjajahan telah memenuhi peranan sejarah zaman mereka melalui pembinaan asas penempatan, struktur sosial, sistem ekonomi, sistem politik dan budaya ilmu yang cemerlang. Mereka telah berjaya mewariskan Islam, tanah, kuasa, tamadun ilmu, perpaduan, faham kebangsaan, budaya yang berlandaskan nilai-nilai murni Islam.

Sejak awal kedatangan Islam ke dunia Melayu beberapa abad dahulu, Islam sudah berperanan besar membentuk sahsiah, pemikiran dan *world view* Melayu. Sekali gus melalui peredaran masa, Islam juga berperanan menjadikan

manusia Melayu lebih matang, lebih dewasa dan lebih tinggi kualiti kemanusiaannya, walaupun tidak secara total atau sempurna.

Kedatangan Islam, penyebatian unsur peradabannya memberi kesan yang besar yang melahirkan sifat asasi dan keperibadian kebudayaan Melayu. Islam mengubah paksi peradaban Melayu. Unsur rasionalisme dan intelektualisme telah mengubah kehidupan ekonomi, sosial dan pemerintahan di alam Melayu. Keperibadian Melayu mula terbentuk dan peradaban Melayu berkembang serentak dengan adanya kegiatan intelektual di merata-rata pusat pengajian Islam. (A. Aziz Deraman, 2000 : 156)

Sesungguhnya agama Islam adalah asas yang menegakkan binaan budaya dan tamadun Melayu. Pegangan serta amalan agama Islam menentukan pula keadaan dan rupa bentuk budaya dan tamadunnya.

Matlamat dalam pembangunan masyarakat yang bertamadun mestilah ke arah membina kekuatan ummah yang cemerlang dengan kekuatan agama. Asas bagi masyarakat yang bertamadun akan dibina melalui asas kekuatan aqidah. Semakin bertambah usia, semakin pesat pembangunan, seharusnya semakin mantap aqidah, semakin tinggi pendidikan yang diperolehi. (Institut Strategi Pembangunan Malaysia, 1998 : 98)

Amalan dakwah, mujahadah, doa, tawajuh dan tawakal merupakan prinsip, strategi dan amalan yang pernah dilaksanakan oleh para pembina dan penegak tamadun Melayu Islam di seluruh kepulauan Melayu pada peringkat

awalnya dan zaman berikutnya. Para pendakwah Islam dari Timur Tengah dan India dan diikuti sebarisan para pendakwah Melayu, telah meletakkan asas yang kukuh bagi pembinaan dan pemantapan masyarakat tamadun Melayu Islam di Alam Melayu.

Pendidikan Islam jugalah yang telah menyempurnakan faham keperibadian sendiri, mengemaskinikan faham kebangsaan Melayu dan menjadi faktor penyatuan orang-orang Melayu, sebagaimana yang diungkapkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas :

'Meskipun unsur-unsur nasib politik dan keturunan telah ada rumusannya di kala sebelum Islam telah menyerapi perolehan sejarah yang menuju ke arah kebangsaan, tetapi kedua-dua unsur ini sahaja tidak mencukupi syarat kehendak sejarah bagi membawa kepada faham kebangsaan sebenarnya. Hanya dengan kedatangan Islam, yang membawa ke dalam perolehan sejarah Kepulauan ini dan unsur lain yang tadinya tiada nyata, iaitu unsur-unsur penyatuan satu bahasa sastera dan satu agama serta segala perkara kebudayaan yang bersangkutan dengannya, barulah sempurna dalam sejarah Melayu-Indonesia faham keperibadian sendiri yang membentuk faham kebangsaan.' (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972 : 56 )

Justeru itu, pembinaan Melayu Islam bermaksud satu usaha yang didasari oleh pemantapan, penerapan dan penghayatan Islam itu sendiri secara agresif dan berganda berbanding dengan proses biasa. Sebarang usaha untuk memisahkan Islam dan Melayu dalam mencipta manusia baru akan

memungkinkan bangsa Melayu itu hancur atau hilang segala-galanya.

(Muhammad Haji Muhd Taib, 1993 : 126)

Peradaban masyarakat Melayu yang telah dilahirkan, meletakkan ilmu agama sebagai teras dan disepadukan dengan ilmu akal. Ini bermaksud peradaban Melayu sebelum ini tidak membenarkan pemikiran sekular dan dualisme meresap ke dalam budaya Melayu. Pemikiran sekular dan dualisme ini mendokong ciri-ciri kebendaan, keindividuan, kebebasan yang amat ekstrim sehingga menolak agama

Kesimpulannya kedatangan penjajah adalah untuk melemahkan pendidikan Islam serta menyekat perkembangan Islam dan seterusnya menghancurkannya secara lebih halus dengan perancangan yang disusun rapi melalui pendidikan sekular iaitu memisahkan pendidikan agama dan pendidikan akademik. Pendidikan sekular ini hanya mementingkan dunia semata-mata. Perancangan ini adalah untuk melemahkan dan menghancurkan Islam secara halus dengan menjauhkan aqidah orang Islam kepada kebendaan dan keduniaan. Penjajah juga dengan perancangan pendidikan sekular telah menanamkan kebudayaan barat yang lari jauh dari akhlak Islam yang sempurna.

#### **6.4. Kesan Terhadap Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu telah lama digunakan sebagai bahasa rasmi bagi urusan rasmi kerajaan-kerajaan Melayu lama di seluruh Nusantara. Antara tinggalan sejarah yang menyatakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

kerajaan di kepulauan Melayu adalah batu-batu bersurat atau prasasti di Palembang (kedudukan Bukit, 683 Masihi, Talang Tuwo, 684 Masihi), di Pulau Bangka (Kota Kapur, 686 Masihi), ada di Jambi (Karang Berahi, 692 Masihi). OI antara kandungan inskripsi pada batu-batu bersurat itu membuktikan dengan jelas penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa pemerintahan dan bahasa wahana pembentukan sebuah tamadun Melayu. (Azhar Hj. Mad Aros, et. al., 2000: 281)

Bahasa Melayu pernah menjadi *Lingua Franca* bagi wilayah kepulauan Melayu dan dikalangan ahli-ahli peniaga dan pengembara dari Eropah, India, dan China. Pada ketika itu penggunaannya sebagai bahasa perhubungan merupakan satu perkara biasa. Mengikut Valentijn, bahasa Melayu difahami di mana-mana, 'tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *Lingua Franca* di Itali dan Levanf. (Nik Safiah Karim, 2000 : 1) Francois Valentijn berkata :

'Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja dimengerti di Parsi, bahkan lebih jauh daripada negeri itu. dan di sebelah timurnya sehingga kepulauan Filipina.' (Ismail Husein, 1996 : 44)

Kedudukan bahasa Melayu amat penting kerana ia mendapat taraf nilai bahasa yang tinggi dan menjadi *Lingua Franca* bagi seluruh alam Melayu, terutama pada zaman kegemilangannya. Bahasa Melayu mula menjadi bahasa penting kepada kerajaan besar seperti Melaka dan Aceh. (A. Aziz Deraman, 2000: 156)

Zaman yang penting bagi bahasa Melayu ialah zaman kerajaan Melaka, iaitu zaman keagungan kerajaan Melayu. Keagungan kerajaan Melayu Melaka cukup jelas tergambar dalam sejarah Melayu, satu-satunya peradaban Melayu yang mengharumkan serta meletakkan imej bahasa Melayu ke mercu yang amat tinggi.

Menurut Ismail Hussein, keagungan bahasa Melayu bukan hanya lahir daripada emosi kemegahan orang Melayu sendiri, bahkan diakui juga oleh para cendikiawan dan pengembara barat. Menurutnya lagi, seorang sarjana Belanda bernama Jan Huyghen Van Linschoten yang pernah tinggal di Indonesia pada tahun 1586 hingga 1652 telah merakamkan :

“... bahawa bahasa Melayu itu bukan sahaja sangat harum namanya, tetapi bahasa itu juga dianggap bahasa negara timur dan bahawa orang yang tiada tahu bahasa itu di Kepulauan Melayu dapatlah dibandingkan dengan orang yang tiada tahu bahasa Perancis di negara Belanda pada zaman itu.” (Ismail Hussein, 1966 : 76)

Satu bukti lagi tentang tingginya martabat bahasa Melayu dan luas penggunaannya di wilayah ini adalah pada surat-menurut antara pentadbir dan raja-raja di kepulauan Melayu. Contohnya ialah surat Sultan Aceh kepada kapitan Inggeris, James Nacester, dalam tahun 1601, surat Sultan Alauddin Shah dari Aceh kepada Harry Middleton kira-kira tahun 1602, dan surat Sultan Aceh kepada raja Inggeris, King James ( 1612 ). Ketiga-tiga surat ini ada tersimpan di perpustakaan Bodleian, London. (Nik Safiah Karim, et al., 1996: 14)

Sebelum Inggeris bertapak di Tanah Melayu, bahasa Melayu menjadi satu-satunya bahasa perantaraan bagi penduduk-penduduk Tanah Melayu. Bahasa Melayu menjadi bahasa pentadbiran di semua pusat pemerintahan (istana) dan menjadi bahasa pengantar di institusi pendidikan yang ada pada ketika itu seperti pusat pengajian Islam, kelas-kelas agama surau-surau, masjid, pondok dan juga madrasah.

Telah terbukti benar bahawa dahulu bahasa Melayu pernah tersebar luas di seluruh Asia Tenggara sebagai bahasa rasmi, bahasa pemerintahan, bahasa perhubungan antarabangsa, bahasa perdagangan dan juga bahasa ilmu pengetahuan.

Kewibawaan dan kemapanan (*authoritative and well-established position*) bagi bahasa Melayu kini adalah hakikat yang tidak boleh disangkal lagi. Secara global, bahasa Melayu ialah bahasa yang keempat terbesar di dunia dari segi jumlah penuturnya, iaitu seperti berikut :

Jadual 12

**BAHASA-BAHASA UTAMA DUNIA**

Bil	Bahasa Utama Dunia	Jumlah Penutur (juta)
1	Bahasa Cina	1,192
2	Bahasa Inggeris	456
3	Bahasa Sepanyol	362
4	<b>Bahasa Melayu</b>	<b>225</b>
5	Bahasa Portugis	177
6	Bahasa Perancis	123
7	Bahasa Jerman	119

( Hashim Musa, 2004 : 159 )

Akibat penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan yang utama untuk mendapatkan pekerjaan dan dapat meningkatkan tarat kehidupan masyarakat Melayu maka nilai ekonomi bahasa Inggeris terus naik dan statusnya meningkat dan mengenepikan status bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan serta tidak lagi dihormati rakyat kerana kejatuhan nilainya.

Bahasa Melayu sebagai bahasa intelektual juga terbantut kerana ia tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan lain.

Penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir golongan elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas. Maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi juga hanya berkisar di kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik akan tersekat daripada memperolehi ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi.

Golongan elit yang berpendidikan Inggeris juga terpisah daripada majoriti rakyat jelata dan mewujudkan jurang dan ketegangan sosial. Ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan akan menjadi pemangkin kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab dan ideologi, daerah dan wilayah.

Agak malang sekali bahasa Melayu telah menjadi mangsa pihak penjajah British di Tanah Melayu. Keharuman serta sifat kedinamikan bahasa Melayu

telah menyebabkan timbul rasa iri hati dan kebimbangan pihak penajah British terhadap potensi dan kemampuan bahasa Melayu. Apabila British bertapak dan berjaya mencengkam pemerintahan Tanah Melayu (bermula dengan Negeri-negeri Selat, kemudian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan akhirnya Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu) martabat bahasa Melayu telah diperturunkan hingga ke tahap yang amat dhaif sekali. (Farid M. Onn, 1986 : 24)

### **6.5. Kesimpulan**

Kesimpulannya perkembangan bahasa Melayu yang terbantut juga telah menyebabkan peradaban Melayu Islam tergadai kerana perkembangan ilmu pengetahuan hanya dikuasai oleh sebahagian masyarakat Melayu yang berpendidikan Inggeris dan terhad kepada golongan elit yang berkemampuan untuk mendapat pendidikan tinggi. Bahasa Melayu akhirnya menjadi bahasa yang terpinggir dan hanya digunakan oleh masyarakat jelata yang berpendidikan rendah.